

IDEALOGY

JOURNAL



IDEALOGY JOURNAL

Volume 6, Issue 1, 2021

Published: 28 April 2021

Published by:
©UiTM Press

e-ISSN 2550-214X

**MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI, ISHAK RAMLI
MOHAMMAD HAFIZ YAHAYA, NURUL SHIMA TAHARUDDIN
HASLINDA MD NAZRI, MUHAMMAD REDZA ROSMAN
NIZAR NAZRIN**

IDEALOGY JOURNAL INFORMATION

INTRODUCTION

Ideology Journal is a biannual journal, published by UiTM Press, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA. IDEALOGY is a combination of the words IDEA and LOGY whereby the word IDEA refers to any activity or action that can lead to change. On the other hand, the word LOGY refers to the understanding towards a certain group or thought, that is often related to the creation of the idea itself. So, IDEALOGY is a platform for those who have ideas to share in journal form. The IDEALOGY Journal is spearheaded by the Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (Perak), however the scope and theme applied were broadened to cover Arts & Social Science. This journal is purely academic and peer reviewed (double-blind review) platform. It caters to original articles, review paper, artwork review and appreciation, exhibition review and appreciation, and book reviews on diverse topics relating to arts, design, and social science. This journal is intended to provide an avenue for researchers and academics from all persuasions and traditions to share and discuss differing views, new ideas, theories, research outcomes, and socio-cultural and socio-political issues that impact on the philosophical growth in the contemporary events.

VISION

To elevate the standard of Academic writing, especially for ASEAN countries to be recognized in the eyes of the world

MISSION

To produce academia with world recognized writing quality
To combine with selected ASEAN countries in producing academic articles

PUBLICATION HISTORY

Published various field of arts and social sciences' studies since 2016 onwards.

PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) issues per year (April and September)

e-ISSN

2550-214X

COPYRIGHT NOTICE

UiTM Press (The Publisher) has agreed to publish the undersigned author's paper in Ideology Journal. the agreement is contingent upon the fulfilment of a number of requirements listed below.

1. The undersigned author warrants that the paper entitled below is original, that it is not in any way libellous or unlawful in malaysian, that it does not infringe any copyright or other proprietary right. The undersigned hereby represents and warrants that he/she is the author of the paper, except for material that is clearly identified as to its original source, with permission notices from the copyright owners where required. The undersigned represents that he/she has the power and authority to sign and execute this agreement.
2. The undersigned author warrants that the paper entitled below has not been published elsewhere, and also it will not be submitted anywhere else for publication prior to acceptance/rejection by this journal.
3. By submitting the paper entitled below, the undersigned author agrees to transfer the rights to publish and distribute the paper in an international e-journal (entitled above) to publisher.
4. The undersigned author agrees to make a reasonable effort to conform to publisher's submission guidelines and to liaise with the editor to ensure that the requirements of these guidelines are met to a reasonable degree.
5. The corresponding author signs for and accepts responsibility for releasing this material on behalf of any and all coauthors. This agreement is to be signed by at least one of the authors who has obtained the assent of the co-author(s) where applicable. After submission of this agreement signed by the corresponding author, changes of authorship or in the order of the authors listed will not be accepted.

COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way. This journal also followed to the principles of The Committee On Publication Ethics (COPE) www.publicationethics.org

REPRINTS AND PERMISSIONS

All research articles published in Ideology Journal are made available and publicly accessible via the internet without any restrictions or payment to be made by the user. Pdf versions of all research articles are available freely for download by any reader who intent to download it.

DISCLAIMER

The authors, editors, and publisher will not accept any legal responsibility for any errors or omissions that may have been made in this publication. The publisher makes no warranty, express or implied, with respect to the material contained herein.

EDITORIAL AND REVIEWER TEAM

EDITORIAL BOARD

JOURNAL ADVISOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid ^{AMP}
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITOR

Associate Professor Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Ishak Ramli
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

MANAGING EDITOR

Mohamad Hafiz Yahaya
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Muhammad Redza Rosman
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Nurul Shima Taharudin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

SECTION EDITOR

Haslinda Md Nazri (Secretary)
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Nizar Nazrin (Promotion)
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

PANEL EDITOR

Dr Asyiek Desa
(Universiti Sains Malaysia)
Dr Muhamad Firdaus Ramli
(Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia)
Dr Yuhanis Ibrahim
(Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia)
Dr Saiful Akram Che Cob
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

ADVISORY BOARD

Associate Professor Dr Sophiya Umar
(Bahauddin Zakariya University, Pakistan)
Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea
(Effat University, Saudi Arabia)
Dr Sheikh Mehedi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)
Professor Dr Anis Sujana
(Institut Seni Budaya, Indonesia)
Professor Masahiro Suda
(Nagoya University of Art, Japan)
Jeconiah Louis Dreisbach
(De La Salle University, Philippine)

PANEL OF REVIEWERS

MALAYSIA

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Associate Professor Dr Rusmadiyah Anwar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Associate Professor Dr Azhar Jamil
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Mohd Khairi Baharam
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Nagib Padil
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Hanafi Hj Mohd Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Shahrel Nizar Baharam
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Aznan Omar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Hamidi Abdul Hadi
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Zainuddin Md Nor
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Verly Veto Vermol
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Zahirah Haron
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Dr Saiful Akram Che Cob
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Ishak Ramli
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)
Nurul Shima Taharudin
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

INDONESIA

Prof. Dr Anis Sujana
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Andang Iskandar
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Husein Hendriyana
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Supriatna
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Dr Pandu Purwandaru
(Universitas 11 Maret, Indonesia)
Dr M. Zaini Alif
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Drs Deden Maulana, M.Ds
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Toufiq Panji Wisesa, S.Ds., M.Sn
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Drs Syaiful Halim., M.I.Kom
(Institut Seni Budaya Indonesia)
Ratno Suprapto., M.Ds
(Institut Seni Budaya Indonesia)

BANGLADESH

Mr Al-Monjur Elahi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)
Dr Sidhartha Dey
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)
Dr Sheikh Mehedi
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University, Bangladesh)

PAKISTAN

Associate Professor Dr Sophiya Umar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)
Masood Akhtar
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)
Shah Zaib Raza
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

JAPAN

Professor Masahiro Suda
(Nagoya University of Art, Japan)
Ko Yamada
(Nagoya University of Art, Japan)

SAUDI ARABIA

Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea
(Effat University, Saudi Arabia)
Assistant Prof. Dr. Mueen Uddin
(Effat University, Saudi Arabia)
Assistant Prof. Dr. Shajid Khalifa
(Effat University, Saudi Arabia)

PHILIPPINES

Jeconiah Louis Dreisbach
(De La Salle University, Philippine)

TABLE OF CONTENTS

EDITORIAL

Ideology Journal Information	iii
------------------------------	-----

Editorial and Reviewer Team	iv
-----------------------------	----

Editorial Preface	1
-------------------	---

Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli

Editorial Foreword	3
--------------------	---

Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli, Mohammad Hafiz Yahaya, Nurul Shima Taharuddin, Haslinda Md Nazri, Muhammad Redza Rosman, Nizar Nazrin

ORIGINAL ARTICLE

Kesan Corak Dan Jenis Komunikasi Terhadap Keestiman Suami Isteri: Kajian Kes Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Johor Baharu	5
---	---

Effects of Patterns and Types of Communication on Husband and Wife Esteemed Regard: Case Study in the Area among the Local Authorities (PBT) of Johor Baharu City Council

Kamarul Azman bin Jamaluddin, Hussin Salamon, Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Abdul Halim Zulkifli

Colonial Architecture on Local History Through Glass Sculpture	17
--	----

Mahizan Hijaz Mohammad, Aznan Omar

Studio Project on the Sculpture Entitled Retrospection and Prodigy Series	27
---	----

Mohd Khairi Baharom, Siti Ermi Syahira Abdul Jamil

Art Appreciation: The Expression of Etching in Printmaking through Mohd Fawazzie Arshad's Artwork	35
---	----

Noor A'yunni Muhamad, Azian Tahir, Noor Enfendi Desa

Online Distance Learning New Norm in Undergraduate Graphic Design Education	43
---	----

Mohamad Quzami An-Nuur Ahmad Radzi, Shahrurizam Sulaiman

REVIEW ARTICLE

Pengalaman Pameran Muzium Islam Di Muzium Semasa: Satu Pengenalan	49
---	----

Islamic Museum's Exhibition Experience: An Introduction

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Awang Azman Awang Pawi

Kesan Corak Dan Jenis Komunikasi Terhadap Keestiman Suami Isteri: Kajian Kes Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Johor Baharu

Effects of Patterns and Types of Communication on Husband and Wife Esteemed Regard: Case Study in the Area among the Local Authorities (PBT) of Johor Bahru City Council

Kamarul Azman Jamaluddin¹, Hussin Salamon², *Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed³, Nasrul Hisyam Nor Muhammad⁴, Abdul Halim Zulkifli⁵

^{1,2,3,4,5}Fakulti Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding author e-mail: kilani@utm.my

Received: 19 February 2021, Reviewed: 25 February 2021

Accepted: 16 April 2021, Published: 28 April 2021

ABSTRAK

Masalah komunikasi antara suami isteri memberi kesan terhadap keestiman kedua pasangan, sehingga akhirnya merenggangkan hubungan dan mengakibatkan penceraian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan corak dan jenis komunikasi terhadap keestiman suami isteri. Responden yang terlibat adalah (286) orang penjawat awam di empat (4) buah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya daerah Johor Bahru yang beragama Islam. Konstruk-konstruk yang terlibat adalah Corak Komunikasi, Jenis Komunikasi, Corak Keestiman, dan Jenis Keestiman. Analisis lanjutan membezakan faktor yang paling menyumbang (dominan) kepada Keestiman. Ujian dinilai berdasarkan Pekali Standard, β (Standardized Coefficients, β). Dapatkan menunjukkan konstruk Corak Komunikasi Suami Isteri memberi sumbangan besar yang signifikan kepada Keestiman ($\beta=0.144$, $p=<0.016$). Kajian juga mendapati bahawa Jenis Komunikasi Suami Isteri dengan Keestiman adalah tidak signifikan ($p>0.05$). Dapatkan ini menjelaskan bahawa corak komunikasi dapat memberi kesan terhadap keestiman suami isteri. Kajian ini memberi panduan terhadap pasangan yang mendirikan rumah tangga secara empirikal, terutamanya elemen-elemen komunikasi berkesan dan keestiman antara pasangan.

Kata Kunci: corak komunikasi, jenis komunikasi, keestiman suami isteri.

ABSTRACT

Communication problems between husband and wife affect both spouses' esteem, strained relationships, and divorce. Therefore, this study was conducted to examine the effects of communication patterns and types on spouses' esteem. The respondents involved are (286) Muslim civil servants in four (4) areas of Local Authorities (PBT) Johor Bahru City Council. The constructs involved are Communication Pattern, Communication Type, Esteem Pattern, and Esteem Type. The further analysis distinguishes the most contributing (dominant) factor husband and wife esteemed. The test is evaluated based on Standardized Coefficients, β . The finding shows that Spouses' Communication Pattern construct has contributed to the significant Integrity ($\beta=0.144$, $p=<0.016$). The study also shows that Spouses' Communication Type and Esteem relationship was insignificant ($p>0.05$). These findings indicate that communication patterns, excluding the communication types, significantly contribute to husband and wife esteem. This study can be a guidance to married couples empirically, especially on the elements of effective communication and the feeling of esteem and respect between spouses.

Keywords: communication pattern, communication type, spouses' reverence.

1. PENGENALAN

Kehidupan di dunia memerlukan hubungan saling bantu-membantu antara suami dan isteri. Kesempurnaan dan keseimbangan akan dicapai apabila masing-masing bertanggungjawab melayari bahtera kehidupan bersama. Wanita dijadikan Allah SWT sebagai penenang suami (Surah al-Nisa', 4:34 dan Al-Rum, 30:21). Suami dan isteri yang bergaul mesra dan hormat menghormati antara satu sama lain seumpama membina sendi negara. Pergaulan seperti ini menghasilkan keluarga yang harmoni dan zuriat yang berakhhlak mulia. Oleh itu, suami dan isteri semestinya berfikir panjang bagaimana mereka harus bertoleransi menghidupkan persefahaman di antara mereka (Hamka, 1976).

Objektif Kajian (2), (3) dibentangkan dan dibincangkan seperti berikut:

- (2) Mengenalpasti Corak Komunikasi dan Jneis Komunikasi Suami isteri dalam kalangan Suami isteri di pejanat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Johor Bahru.
- (3) Mengenalpasti Tahap Keestiman suami isteri dalam kalangan suami isteri di jabatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Johor Bahru

Suami isteri perlu menggerakkan fungsi komunikasi dua hala di antara mereka untuk menghindar keruntuhan sistem komunikasi dan ketidaksampaian maklumat sehingga mengakibatkan ketidaksefahaman. Antara sebab perhubungan institusi pasangan tidak lagi mempunyai jiwa dan semangat kehidupan bersama adalah disebabkan oleh persepsi yang wujud akibat salah faham hasil daripada komunikasi yang kurang berkesan. Hingga akhirnya, syak wasangka timbul walaupun terhadap kesalahan yang kecil sehingga keseluruhan personaliti yang baik selama ini, dilihat buruk (Devis, 1999).

Perkahwinan memerlukan persetujuan suami isteri yang masing-masing mempunyai kepuasan yang tidak berbelah-bagi. Antara perbuatan-perbuatan yang dapat meningkatkan komunikasi yang baik antara suami isteri adalah seperti berjenaka dalam bualan dan bergurau senda dalam keintiman. Mencintai seseorang yang akhirnya menjadi pasangan hidup meningkatkan harga diri dan keseronokan kendiri. Mohd Hatta (2001) menegaskan bahawa suami isteri perlu mempunyai sifat bersimpati, berempati, berlapang dada dan rendah diri agar dapat mengelakkan sifat-sifat negatif seperti beban emosi, desakan psikologi dan stres pemikiran.

Komunikasi suami isteri yang baik juga dituntut dalam Islam. Islam menitikberatkan komunikasi dua hala kerana ianya bukan sahaja dapat merapatkan hubungan, malah dapat memperbaiki hubungan yang renggang. Ekman et al. (2015) menyatakan bahawa untuk berkomunikasi dengan baik, pasangan perlu memandang satu sama lain secara berhadapan dan mata perlu tepat ke arah pasangan. Bahasa badan yang tepat dalam menyampaikan mesej yang tepat kepada pasangan (Bacon, 2000). Komunikasi dua hala seperti yang dinyatakan oleh Hamka (1976) memberi ruang kepada suami isteri untuk bersuara dan menjamin keadilan bagi kedua-dua pihak.

Corak komunikasi suami isteri yang bermasalah menunjukkan kegagalan pasangan berkomunikasi dengan baik. Malah, ianya juga meninjukkan jenis komunikasi yang diamalkan oleh pasangan tersebut. Menurut Mohd Nasir (2006), halangan kepada komunikasi yang berkesan antara suami isteri bersifat sementara dan kerap, dan contoh penggunaannya dapat dilihat dalam perkataan yang kurang difahami oleh pasangan seperti penggunaan akronim apabila menghantar pesanan ringkas. Penggunaan loghat juga merupakan salah satu daripadanya. Contohnya, jika pasangan bukan merupakan orang Johor, penggunaan perkataan seperti bera, mengeteh, menggaruk, dan endut akan menimbulkan salah faham.

Kepentingan berkomunikasi kepada pasangan juga disarankan oleh al-Quran dan Sunnah. Malah, balasan yang berat seperti mendapat laksat Allah SWT dan disempitkan rezeki dijatuhkan ke atas suami isteri yang tidak berkomunikasi seperti yang disarankan dalam Islam.

“Mana-mana suami isteri yang berkomunikasi tidak berpandukan kepada Sunnah & al-Quran, akan mendapat lagnat Allah dan rezekinya disempitkan, atau dibiarkan sahaja mereka melampaui batas akan tetapi akan diseksa di akhirat kelak kerana keingkaran dan kesombongan mereka kepada Allah.”

(Hamka, 1976)

Penghujung hujah ini, pengkaji berpendapat objektif (2) dan (3) tercapai sudah.

2. CORAK DAN JENIS KOMUNIKASI SUAMI ISTERI

Komunikasi Suami dan Isteri mestilah mantap dan menghormati antara satu sama lain. Beberapa kajian menyarankan perhubungan Corak ataupun Jenis Komunikasi dilihat sebagai satu proses membentuk pasangan bahagia dengan Corak merangkumi empat sifat utama iaitu: Dinamik, berterusan, tak boleh undur, dan kompleks. Sementara Jenis komunikasi pula terbahagi kepada enam (6). Faktor utama ialah Interpersonal, Intrapersonal, Komunikasi kelompok kecil, Komunikasi massa, Komunikasi keluarga / Perhubungan awam, dan Komunikasi dalaman organisasi.

Bagaimanapun, ia tidak menjelaskan bagaimana perlakuan suami isteri itu dapat di atasi jika mereka curang, cinta monyet, kahwin berlainan agama, tiada ketataan komunikasi jika berkomunikasi sehala sahaja, melainkan panduan berdasarkan Al Quran. Hamka (1976) menyuruh membaca Al Quran, di mana di dalam bukunya Pasangan Intim, memberi amaran supaya pasangan Suami Isteri wajib mematuhi cara Jenis komunikasi, antara lain contohnya, dalam surah seperti Surah Saad, Al Israk, Al A’raf , selalu berpandu kepada Al Quran dan baca hadis RasulAllah, supaya rezeki dan keberkatan Allah sentiasa melimpah kepada pasangan yang inginkan kebahagiaan. Hamka menegaskan lagi, pasangan dilahirkan dalam kejadian manusia, dua orang manusia, seorang lelaki dan seorang perempuan. Mereka hidup setelah dijab kabul debgan ikatan nikah kahwin. Ia sebagai fitrah daripada Allah supaya mereka tidak hidup berseorangan, beroleh ketenangan dan berkonsi kegembiraan .

Oleh yang demikian objektif seterusnya ialah:

(3) Mengenalpasti Tahap Keestiman suami isteri dalam kalangan suami isteri di jabatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bermula dengan Pembentukan konsep komunikasi. Keestiman dibincangkan meluas secara ilmiah, dengan rujukan buku-buku dari penulis-penulis Timur dan Barat dan juga pengarang tempatan. Hubungkait kemesraan suami isteri difokus secara terperinci dan dihalusi satu persatu. Akhirnya satu rujukan untuk suami isteri mahupun penulis-penulis peringkat lanjutan dapat menyelami lubuk hati ikatan perkahwinan suami isteri supaya kekal hingga ke anak cucu.

Surah Al Quran Al Rum : 30:21

“Sebahagian daripada tanda Kekuasaan dab kebesaran Allah SWT dia menjadikan untuk mu jodoh (Suami/Isteri) daripada jenis mu sendiri, agar kamu memperolehi sakinah (Ketenangan/Kegembiraan) padanya dan kemudian Dia mencipta antara kamu berdua cinta berahi dan kasih sayang. Sesungguhnya itu menjadi tanda bagi mereka yang mahu berfikir.”

Rueben (1997) telah memperkenalkan Teori Corak Komunikasi:

“Healthy types of communication can be established by physical approach , beyond reproach and devoid of deceit albeit with sincerity. The strength therein also lies in a two way communication, unforced marriage , shanting blind jealousy...”

(Bannett dan Rivers, 1996).

Corak hubungan komunikasi, terbahagi kepada beberapa sifat. Menurut Rueben (1996), corak komunikasi terdiri daripada fikiran terbuka, komunikasi kuat, dan risiko rendah, seperti berikut:

i) Komunikasi terbuka

Komunikasi terbuka merujuk kepada keadaan suami isteri yang berlapang dada, mempunyai fikiran positif dan berserah diri kepada keperluan masing-masing. Ia juga bermaksud menerima keadaan pasangan seadanya dan mencapai persefahaman apabila membuat keputusan, walau pun terpaksa mengorbankan kepentingan sendiri. Dari perseptif Islam, komunikasi terbuka ini merujuk kepada sifat akur kepada takdir, asalkan tidak bercanggah dengan prinsip agama.

ii) Komunikasi kuat

Komunikasi kuat (KK) memberi menunjukkan bahawa komunikasi antara suami isteri mestilah jelas dan jujur. Komunikasi dilihat kuat kerana apa saja yang ditutur antara kedua pasangan mendapat kepercayaan satu sama lain. Benar bermaksud keterangan percakapan dilihat terang dan nyata. Pasangan boleh melihat air muka antara satu sama lain sama ada percakapan atau tingkah laku pasangan mempunyai motif tersembunyi atau ikhlas melafazkan sesuatu berita.

iii) Komunikasi berisiko rendah

Menurut Reuben lagi, Risiko Rendah (RR) merujuk kepada keadaan pasangan yang tidak mengambil risiko berbohong, menipu, meranggang sesuatu tanpa pengetahuan pasangan dan melindungi fakta sebenar. Membohong merupakan satu tindakan berisiko tinggi dan apabila kebenaran terbongkar, ianya akan menggugat hubungan suami isteri. Pengkhianatan hanya akan mencemarkan kehidupan bahagia suami isteri yang seharusnya dibina atas kejujuran dan dasar kepercayaan.

Bagi membina hubungan suami isteri yang harmoni, pasangan tersebut perlu mengamalkan corak komunikasi bersifat terbuka dengan menerima keadaan pasangan seadanya, mengamalkan corak komunikasi kuat dengan bersikap jujur apabila berkomunikasi, dan mengamalkan corak komunikasi berisiko rendah dengan mengurangkan tindakan yang mengundang risiko tinggi terhadap perkahwinan.

Oleh itu, bagi membentuk corak komunikasi suami isteri seperti yang dinyatakan oleh Reuben (1996), pasangan perlu memilih jenis-jenis komunikasi yang dapat membina corak komunikasi tersebut. Menurut Bennets dan Rivers (1996), pasangan suami isteri perlu ikhlas dan jujur dalam berkomunikasi. Suami isteri perlu berhubung secara berterus terang tanpa berlindung di sebalik kenyataan yang sebenar. Keikhlasan dan kejujuran wujud apabila percakapan dan perbuatan pasangan dilakukan hanya kerana Tuhan. Love dan Stoney (1998) pula melihat keikhlasan dalam hubungan dengan merujuk kepada sifat timbal balik. Komunikasi antara pasangan secara dua hala dilakukan menerusi sikap memahami satu sama lain, memberi ruang kepada perkongsian idea, berhujah dengan harmoni disamping penggunaan bahasa yang baik dan percakapan yang mesra. Blake (2000) bersetuju bahawa komunikasi dua hala memberi pengiktirafan kepada pasangan suami isteri untuk menyuarakan pendapat masing-masing tanpa sikap prejudis atau prasangka. Komunikasi dua hala memperlihatkan keterbukaan kedua-dua pasangan untuk berkompromi.

Hamka (1976) menegaskan bahawa Islam meletakkan akhlak Islam sebagai dasar kepada hubungan suami isteri. Oleh itu, mendalami ilmu agama adalah sangat penting bagi pasangan suami isteri. Haron Din (1990) pula menjelaskan bahawa perundangan Islam sepatutnya difahami oleh setiap pasangan suami isteri untuk menjaga keharmonian perkahwinan. Kassim Salleh (1999) menegaskan bahawa bab nikah kahwin merupakan kesinambungan pertalian perkahwinan, dan sepertimana yang dilafazkan semasa akad nikah di depan kadi, ilmunya hendaklah didalami dengan pasangan. Kejahanan tentang bab nikah kahwin menjurus kepada perselisihan pendapat dan juga menggeruhkan suasana keharmonian pasangan suami isteri.

Corak dan jenis komunikasi suami isteri dapat menghasilkan keestimaan dalam perkahwinan. Brommel (1996) menyatakan bahawa keestiman lahir daripada perasaan cinta yang ikhlas terhadap satu sama lain dan keterbukaan untuk berkongsi rahsia. Cinta yang ikhlas melambangkan kemesraan pasangan yang menyayangi pasangan kerana Tuhan. Ianya lahir dari hati dan tidak disogok atau dipaksa secara lahiriah. Keikhlasan cinta terpancar dari sanubari kepada kelakuan pasangan mempamerkan kesetiaan dan keceriaan cinta pasangan. Perasaan sayang terhadap pasangan juga adalah jujur dan tidak berpura-pura. Kejujuran dalam berkomunikasi membawa sikap terbuka untuk berkongsi rahsia. Malah, terdapat pasangan berkongsi rahsia yang mereka tidak kongsikan dengan orang lain. Islam menitikberatkan perkongsian rahsia dan sikap amanah untuk menjaga rahsia suami isteri, terutamanya rahsia kelamin. Kebocoran rahsia pasangan bukan hanya mengaibkan dan mengundang fitnah, malah ia juga akan mengundang bahaya, contohnya dengan mendedahkan keadaan kewangan pasangan.

Menurut Christiansen (2003) pula, keestiman terdiri daripada dua sikap, iaitu sikap berkorban dan kasih sayang abadi. Sikap rela berkorban menunjukkan bahawa pasangan suami isteri rela berkompromi dalam hampir semua situasi. Ianya memberi implikasi bahawa kesetiaan kepada pasangan tidak boleh dijual beli, malah rela berkorban nyawa demi keselamatan pasangan. Dengan sikap ini, kasih sayang abadi dapat dipupuk. Kasih sayang akan terus berkekalan kerana ianya melibatkan pengorbanan dan kesetiaan. Sikap berkasih-sayang ini dapat dilihat melalui perbuatan, contohnya kemesraan dalam berkomunikasi. Blake (2000) melihat kasih sayang sebagai satu anugerah Tuhan. Ianya bukan berasaskan kepura-puraan dan dapat dilihat dengan jelas melalui air muka dan isyarat badan. Malah, terdapat juga pasangan yang masih mengekalkan kasih sayang walau pun tidak berkongsi perkahwinan lagi. Selain daripada itu, Blake melihat sifat sabar dan bersikap peka sebagai tambahan kepada jenis keestimaan, selain daripada sikap rela berkorban dan berkasih sayang. Kesabaran melambangkan ketinggian budi pekerti dan sifat tolak ansur di antara suami isteri. Kesabaran adalah darjah yang tertinggi yang dicapai dengan bersifat rendah diri, sanggup menahan hati, dan rela mengalah demi menjaga pendapat-pendapat berbeza. Sabar juga adalah sifat menahan diri daripada percakapan dan pertuturan yang boleh menyentuh perasaan pasangan. Bersikap peka terhadap pasangan juga keharmonian berkomunikasi, iaitu dengan bersikap mesra dan mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan salah faham antara pasangan.

Pengkaji telah pun menganalisis objektif ke-tiga (3) itu ini dengan teliti melalui sorotan kajian yang lepas di dalam konteks dalam negeri dan luar negara dengan rujukan dibuat di perpustakaan UTM dan perpustakaan sendiri.

Pengkaji juga berpendapat bahawa objektif ke-tiga (3) telah pun tercapai.

3. METODOLOGI KAJIAN

Bab ini menjelaskan objektif pertama (1) iaitu menilai instrumen yang menyukat Corak dan Jenis Komunikasi yang sah dan boleh dipercayai dalam kalangan suami isteri di jabatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Johor Bahru.

Kajian kuantitatif ini melibatkan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah tinjauan dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Soal-selidik merupakan pengumpulan data daripada sekumpulan besar populasi (Campion, 2001). Najib (2009) dan Marguerite (2016) mengatakan bahawa soal selidik merupakan salah satu kaedah yang paling popular dalam kalangan penyelidik kerana mudah ditadbir selepas dibina dengan baik dan data juga mudah diproses untuk dianalisis.

Konstruk-konstruk kajian dibina oleh pengkaji sendiri. Ianya terdiri daripada beberapa sumber utama yang berkaitan dengan corak dan jenis komunikasi, komunikasi dalam Islam, serta jenis dan corak keestiman. 13 subkonstruk telah dibina berdasarkan keempat-empat konstruk ini. Jadual 1.0 menunjukkan pembinaan konstruk dan subkonstruk berdasarkan sumber-sumber seperti yang dinyatakan seperti berikut.

Jadual 1: Corak Komunikasi

Konstruk	Sub-Konstruk	Sumber
Corak Komunikasi	1.Terbuka (T) 2. Kuat (KK) 3. Risiko Rendah (RR)	David Rueben (1997)
Jenis Komunikasi	1. Ikhlas & Jujur (IJ) 2. Dua Hala (DH)	Bennett & Rivers (1996) Love & Stoney (1998) & Robert Blake (2000)
Jenis Komunikasi Akhlak Islam	1. Faham Syariah dalam Aspek Komunikasi Islam (FS) 2. Perundangan Islam 3.Bab Nikah Kahwin	Hamka (1976) Haron Din (1990) Kassim Salleh (1999)
Corak Keestiman	1. Cinta Ikhlas (CI) 2. Kongsi Rahsia (KR)	Gavin Brommel (1996)
Jenis Keestiman	1.Rela Berkorban 2. Kasih Sayang Abadi 3. Sabar & Peka Terhadap Pasangan Masing-Masing (SP)	Jill Hanna Christiansen (2003) Robert Blake (2000)

Setelah item-item dikenal pasti dan kesahan muka dan kandungan dijalankan, soal-selidik ini diedarkan kepada 30 orang responden untuk kajian rintis. Keboleh percayaan instrumen (soal selidik) diukur dengan menggunakan kaedah statistik iaitu indeks Alpha-Cronbach yang dihasilkan melalui analisis Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 16.0 untuk melihat korelasi antara item yang satu dengan item yang lain yang setara dengannya dalam suatu konsep. Di samping itu, kebolehpercayaan instrumen (soal selidik) juga dilihat berdasarkan kebolehpercayaan individual dan keboleh percayaan item yang dinilai dengan menggunakan analisis model pengukuran Rasch. Dapatkan analisis kebolehpercayaan soal selidik adalah seperti Jadual 2.0.

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan Item dan Individu.

Konstruk	Nilai Alpha Cronbach
Corak komunikasi Suami Isteri	0.981
Jenis komunikasi Suami Isteri	0.959
Jenis hubungan Keestiman Suami Isteri	0.972
Corak hubungan Keestiman Suami Isteri	0.978

Jadual 2.0 menunjukkan pemboleh ubah keempat-empat pembolehubah mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan melebihi nilai Alpha Cronbach 0.90. Instrumen dinilai kebolehpercayaan yang sangat tinggi secara keseluruhan iaitu 0.981.

Populasi kajian ini terdiri daripada 1100 pasangan suami isteri yang beragama Islam, juga merupakan staf di Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Bandaraya Johor Bahru. Mengikut jadual Krejcie dan Morgan (1970), seramai 400 orang responden (54%) memadai untuk kajian yang signifikan. Walau bagaimanapun, penyelidik memilih, Modul Rasch (1980) yang akhirnya hanya menetapkan 250 orang responden sahaja yang diperlukan. Daripada 300 keping soal selidik yang telah diedarkan hanya 286 soal-selidik sahaja yang dipulangkan.

Kajian ini dijalankan berpandukan objektif yang berikut:

- i. Mengenalpasti corak dan jenis komunikasi dalam kalangan suami isteri responden
- ii. Mengenal pasti tahap keestiman dalam kalangan suami isteri responden
- iii. Menilai hubungan antara corak dan jenis komunikasi dengan keestiman suami isteri.
- iv. Membina Model Keestiman Suami Isteri Regresi Berganda yang Signifikan berdasarkan Corak dan Jenis Komunikasi.

Pengkaji merasakan bahawa objektif pertama (1) telah pun tercapai.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Objektif bab ini adalah seperti berikut:

- (4) Menilai hubungan di antara Corak Komunikasi dan Jenis Komunikasi dengan Keestiman suami isteri.
- (5) Mengenalpasti perbezaan yang signifikan terhadao Corak Komunikasi, Jenis Komunikasi dan Tahap Komunikasi berdasarkan umur, kelayakan akademik dan pekerjaan (perjawatan).

Dapatkan kajian ini dibincangkan berpandukan tiga objektif kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji.

i. Mengenalpasti corak dan jenis komunikasi dalam kalangan suami isteri responden

Terdapat tiga subkonstruk di bawah konstruk Corak komunikasi Suami Isteri yang diukur iaitu Terbuka (T), Komunikasi Kuat (KK), dan Risiko Rendah (RR).

Jadual 3: Corak Komunikasi

Subkonstruk	Logit	Min. Skor / Peratus	Status
Terbuka (T)	0.94	71.9%	Tertinggi
Kuat (KK)	0.61	64.7%	-
Risiko Rendah (RR)	0.56	63.6%	Terendah
Keseluruhan	0.64	65.4%	

Jadual 3.0 menunjukkan bahawa Corak Komunikasi Terbuka (T) mempunyai skor yang tinggi iaitu 71.9% berbanding Corak Komunikasi Kuat sebanyak 64.7% dan Risiko Rendah sebanyak 63.6%. Nilai purata kebolehan responden dalam Corak komunikasi Terbuka (T) ialah 0.94 logit, diikuti dengan Corak komunikasi Kuat (KK) iaitu 0.61 logit dan Risiko Rendah (RR) 0.56 logit.

Bagi konstruk Jenis Komunikasi pula, tiga subkonstruk yang diukur adalah; Ikhlas dan Jujur (IJ), Dua Hala (DH), dan Faham Syariat (FS).

Jadual 4: Jenis Komunikasi

Subkonstruk	Logit	Min. Skor / Peratus	Status
Dua Hala (DH)	0.92	71.5%	Tertinggi
Faham Syariah (FS)	0.81	69.2%	-
Ikhlas & Jujur (IJ)	0.63	65.2%	Terendah
Keseluruhan	0.64	66.8%	

Jadual 4.0 menunjukkan bahawa skor tertinggi bagi konstruk Jenis Komunikasi adalah subkonstruk Dua Hala iaitu sebanyak 71.5% dengan nilai purata kebolehan 0.92 logit. Purata logit kebolehan yang rendah adalah Ikhlas dan Jujur iaitu 0.63 logit bersamaan dengan skor kebarangkalian sebanyak 65.2%. Manakala, subkonstruk Faham Syariat ialah 0.81 logit bersamaan dengan 69.2%. Secara

keseluruhannya, nilai purata kebolehan Jenis Komunikasi adalah 0.64 logit bersamaan dengan skor kebarangkalian 66.8%.

Berdasarkan dapatan kajian, purata keseluruhan Corak Komunikasi menunjukkan kebolehan 0.64, atau skor kebarangkaian 65.4%. Walaubagaimanapun, konsep komunikasi suami isteri bersifat keterbukaan adalah corak komunikasi yang terbaik. Ketiga-tiga konstruk Corak Komunikasi diambil dari tulisan David Rueben (1997) selaras dengan penulisan Mohd Nasir (2000) di dalam Rajah Ruang Lingkup Akhlak Komunikasi Islam. Penulis lain iaitu Al-Hakimi juga berpendapat bahawa konstruk yang diutamakan oleh David Rueben tidak bercanggah dengan penulisan Hasnan (2010) serta penulisan Azhar (2008) dan Al-Ghazali (2007).

ii. Mengenal pasti tahap keestiman dalam kalangan suami isteri responden

Keestiman Suami Isteri diukur berdasarkan lima konstruk iaitu; Cinta Ikhlas (CI), Kongsi Rahsia (KR), Rela Berkorban (RB), Kasih Sayang Abadi (KSA), dan Sabar dan Peka (SP).

Jadual 5: Tahap Keestiman

Subkonstruk	Logit	Min. Skor / Peratus	Status
Rela Berkorban (RB)	1.88	86.7%	V (Tertinggi)
Cinta Ikhlas (CI)	1.22	77.2%	IV
Kongsi Rahsia (KR)	1.20	76.8%	III
Kasih Sayang Abadi (KSA)	1.09	74.8%	II
Sabar & Peka (SP)	1.03	73.6%	I (Terendah)
Keseluruhan	0.97	72.5%	

Berdasarkan Jadual 5.0, Rela Berkorban (RB) mempunyai skor kebarangkalian yang tertinggi iaitu 86.7% dengan kebolehan responden dalam Rela Berkorban (RB) ialah 1.88 logit. Cinta Ikhlas (CI) dan Kongsi Rahsia (KR) mendapat nilai kebolehan yang hampir sama iaitu 1.22 logit dan 1.20 logit bersamaan dengan skor kebarangkalian sebanyak 77.2% dan 76.8%. Konstruk Kasih Sayang Abadi (KSA) mendapat skor kebarangkalian sebanyak 74.8%, diikuti oleh Sabar & Peka (SP) 73.6%. Secara keseluruhannya, kebolehan responden dalam konstruk Keestiman ialah 0.97 logit bersamaan dengan skor kebarangkalian sebanyak 72.5%.

Dapatan kajian menunjukkan tidak ada logit yang rendah sekali gus menggambarkan bahawa responden kajian ini berkomunikasi baik dengan tumpuan semasa berinteraksi. Suami isteri perlu memperkenalkan sifat yang lebih agresif, lebih bersosial dalam komunikasi.

iii. Menilai hubungan antara corak dan jenis komunikasi dengan keestiman suami isteri.

Hubungan di antara Corak Komunikasi dan Jenis Komunikasi dengan Keestiman dianalisis menggunakan Korelasi Pearson, r . Menurut Cohen (1988), nilai r daripada 0.10 sehingga 0.29 ialah kecil, 0.30 hingga 0.49 ialah sederhana, manakala, 0.50 sehingga 1.0 adalah besar.

Jadual 6.0 Hubungan antara Corak Komunikasi dan Jenis Komunikasi dengan Keestiman

Keestiman	Corak Komunikasi	Jenis Komunikasi
Pearson ' r '	* 0.149	0.056
* Correlation		
* Significant (2 -tailed)	0.012	0.349
	P < 0.05	P > 0.05
N	286	286

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

Berdasarkan Jadual 6.0, terdapat hubungan positif yang lemah dan signifikan antara Corak Komunikasi dan Keestiman ($r=0.149$, $n=286$, $p=0.012$). Manakala hubungan di antara Jenis

Komunikasi dan Keestiman juga sangat lemah dan tidak signifikan ($r=0.056$, $n=286$, $p=0.349$). Walau bagaimana pun, subkonstruk Cinta Ikhlas (CI) dan Kongsi Rahsia (KR) mempunyai hubungan korelasi yang baik ($r=0.012$, $p<0.05$), lemah tetapi signifikan. Ini bermakna pasangan suami isteri boleh mengaplikasikan subkonstruk ini untuk menjalin kesempurnaan berkomunikasi yang memberi kesan kepada keestiman hubungan.

iv. Membina Model Keestiman Suami Isteri Regresi Berganda yang signifikan berdasarkan Corak dan Jenis Komunikasi.

Bagi tujuan analisis model ini, kaedah Model Keestiman Regresi Berganda digunakan di mana semua pembolehubah tidak bersandar dimasukkan ke dalam analisis sekaligus.

Jadual 6: Model Keestiman Suami Isteri berdasarkan Corak dan Jenis Komunikasi						
Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig. P	Dapatkan Signifikan
1	Regressi	6.331	3	3.165	3.397	0.035 ^b $p < 0.05$
	Lebihan	263.741	283	0.932		
	Jumlah	270.072	286			
	R	R²	Adjusted R²		Keseluruhan Signifikan	
	0.153 ^b	0.023	0.17		$p < 0.05$	
a. Pemboleh ubah Bebas: Keestiman (Independent)						
b. Ramalan: (Konstan), Corak_Komunikasi, Jenis_Komunikasi (dependent)						


Jadual 6.0 menunjukkan bahawa hasil dapatan keseluruhan Regressi adalah signifikan; $R=0.153$, $R^2=0.023$, $Adjusted\ R^2=0.17$, $F(3,283)=3.397$, $p=0.035(p=< 0.05)$. Ini bermaksud, Keestiman dapat diramalkan oleh Corak Komunikasi dan Jenis Komunikasi sebanyak 15.3%. Model ini menunjukkan Regresi Keestiman yang Signifikan, dan analisis lanjutan yang dijalankan mengenalpasti faktor yang menyumbang berdasarkan Pekali Standard, β (*Standardized Coefficients*, β). Nilai Beta, β menunjukkan Corak Komunikasi Keestiman adalah penyumbang terbesar dan signifikan kepada Keestiman Suami Isteri iaitu $\beta=0.144$, $p= 0.016.(p<0.05)$, manakala, Jenis Komunikasi adalah penyumbang yang tidak signifikan kepada Keestiman Suami Isteri, dengan $\beta = 0.037$, $p = 0.532$. ($p > 0.05$).

Jadual 7.0 Pekali Penyumbang Kepada Keestiman							
Model Keestiman	Coefficients^a					Sig.	
	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients		t		
	B	Std. Error	Beta				
1	(Constant)	0.719	0.119		6.049	0.000	
	Corak_Komunikasi	0.319	0.131	0.144	2.429	0.016	
	Jenis_Komunikasi	0.066	0.106	0.037	.625	0.532	
a. Pemboleh ubah Bebas: Keestiman (Independent)							
b. Ramalan: (Konstan), Corak_Komunikasi, Jenis_Komunikasi (dependent)							

Jadual 7.0 menunjukkan faktor yang paling banyak menyumbang kepada Keestiman. Ianya dinilai berdasarkan Pekali Standard, β (*Standardized Coefficients*, β). Nilai Beta, β menunjukkan Corak Komunikasi penyumbang terbesar dan Signifikan kepada Keestiman, $\beta=0.144$, $p=<0.016$. Manakala, Jenis Komunikasi adalah penyumbang yang tidak signifikan iaitu $\beta=0.037$, $p=>0.532$.

Rajah 1.0 berikut menunjukkan Model Keestiman Suami Isteri berdasarkan Corak dan Jenis Komunikasi. Pembinaan model ini selaras dengan model David Rueben (1996) di mana beliau

mengenangkan keseriusan sifat pasangan suami isteri itu semestinya mempunyai perasaan keterbukaan, berkomunikasi dengan sempurna, dan mengambil jalan berisiko rendah. Gavin Brommel (1999) pula menegaskan teori beliau, di mana beliau menanamkan sifat manusia yang ikhlas dan jujur, dan berkomunikasi timbal balik sesama pasangan.



Rajah 1: Model Keestiman Suami Isteri berdasarkan Corak dan Jenis Komunikasi

Pengkaji berpendapat objektif ke-empat (4) Menilai hubungan Corak Komunikasi dan Jenis Komunikasi dengan keestiman suami isteri terlaksana.

Objektif ke-lima (5) pula iaitu Mengenalpasti perbezaan yang signifikan terhadap Corak Komunikasi, Jenis Komunikasi dan Tahap Komunikasi berdasarkan umur, kelayakan akademik dan pekerjaan (perjawatan) dalam bab 4 sudah terjelas dan nyata pencapaiannya.

5. KESIMPULAN

Sebagai rujukan bab ini merujuk kepada objektif kajian iaitu:

- (6) Membina model Keestiman regresi yang signifikan untuk suami isteri berdasarkan Corak dan Jenis komunikasi.

Pengkaji berhasil menyediakan satu model yang dinamakan ‘El-Selju’ untuk memberi kecerahan kepada suami isteri yang dahagakan jalan alternatif memperbaiki mutu dan kesejahteraan hidup berpasangan sehingga akhir hayat.

Keseluruhan kajian ini mendapati bahawa pasangan suami isteri perlu mengamalkan corak komunikasi yang bersifat terbuka, kuat berkomunikasi, dan mengamalkan risiko rendah dalam berkomunikasi. Corak komunikasi sebegini dapat mempengaruhi corak keestiman pasangan, terutamanya dalam bentuk keikhlasan cinta dan perkongsian rahsia.

RUJUKAN

- Al Ghazali. (2007). *Ihya Ulumuddin*. Jilid 3. Mesir: Kaherah Publication.

- Azhar. (2008). *Amalan Pentaksiran Akhlak dalam Masyarakat*. Kuala Lumpur: UM Press
- Bacon A.M. (2000). *A Manual of Gestures*, Griggs. USA: Chicago
- Bennett, L & Rivers, D. (1996). *Esteemed Intimacy in Relationship Amongst Married Couples*. London: Allyn & Baun.
- Brommel, G. (1996). *Esteemed Pattern of Communication in Matrimonial Harmony for Married Couples*. London: Croom Helm.
- Campion (2001). *Social Research Methods*. USA: New York University.
- Christiansen, J.H. (2003) *Types of Esteemed Intimacy in Marriage Communication*. London: Basil Black-Well.
- Rueben, D. (1997). *Introduction to Intimate Communication Pattern in Psychology*. Boston: Harcourt Brace. Jovanovich, Inc.
- Ekman, P. et.al (2015). *Telling Lies Clues to Deceit in a Marketplace, Politics and Marriage*. New York: W.W. Norton & Co.
- Ekman, P. (2015). *The Body Talk* (Terj.). Malaysia: Pelanduk Publications.
- Hamka, DR (1976). *Pasangan Intim*. Pustaka Antara Publication.
- Hasnan (2010). *Etika Komunikasi Akhlak Islam*. Jordan: Islamic Studies.
- Kasim Salleh (1999). *Pasangan yang Bestari*. Petaling Jaya, Selangor D.E.: Fajar Sinar Bakti.
- Devis, K. (1999). *Interpersonal Communication*. Iowa: Wm.C. Brown: Publishers.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (2007). *Determining Sample Size for Research & Measurement*. London Hodder & Stoghton Limited.
- Love S. & Stozney, L. (1998). *Moral Values in Two Ways Type of Communication in Marriages*. USA: Merrill Publishing Co.
- Marguerite G. Lodico et.al (2006). *Quantative Analysis*. London: Macmillian Publishers
- Mohamed Hatta Sharom, (2001) *Psikiatri Perubatan, Undang-Undang dan Masyarakat*. Shah Alam, Selangor D.E.: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- Mohd Najib. (2009). *Bagaimana membuat survey anda sendiri*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Nasir. (2006). *Akhlaq dan Komunikasi Kaunseling Islam*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd,
- Blake, R. (2000). *Marriages, Tendencies, & Strategies*. London: Macmillan Publishers.

